

Journal of Chinese Literature and Culture, Vol. 1, No. 2 (2013), pp. 227-230

Ulasan Buku

Gerakan Pendidikan Cina di Malaysia: Satu Kajian tentang Perjuangan Dong Jiao Zong (1970-2002)

oleh Cheong Yuen Keong (2013), Penerbit Strategic Information and Research Development Centre, Petaling Jaya, 438 muka surat,
ISBN: 978-967-5832-71-0

Chew Fong Peng¹

Universiti Malaya

Tumpuan kajian buku ini ialah Gerakan Pendidikan Cina (华教运动) yang diterajui oleh “Dong Jiao Zong” (董教总, Gabungan Persekutuan Pertubuhan Lembaga Sekolah-Sekolah Cina dan Persatuan-persatuan Guru Sekolah Cina Malaysia) untuk membela penerusan pendidikan Cina di Malaysia; keadaan ini wujud berikutan pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang mendukung “matlamat akhir” (最终目标) Laporan Razak yang menghala kepada pembentukan sistem pendidikan satu aliran yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar.

Punca pencetusan Gerakan Pendidikan Cina diteliti Cheong dengan menggunakan kerangka konflik etnik antara pembentukan negara bangsa dengan pengekalan identiti etnik, perbalahan persepsi tentang konsep pluralisme dalam bidang pendidikan dan bahasa pihak Dong Jiao Zong dengan konsep satu aliran persekolahan dan satu bahasa pihak kerajaan. Maka lahirlah dilema-dilema pendidikan Cina yang diperjuangkan

¹ Chew Fong Peng ialah pensyarah kanan di Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Emel beliau ialah fpchew@um.edu.my

oleh Dong Jiao Zong. Keberkesanan Dong Jiao Zong ditinjau dari segi perjuangannya sebagai sebuah organisasi bukan kerajaan atas matlamat yang ingin dicapai selain meninjau impak perjuangannya dari aspek pendidikan, politik dan sosial di negara kita.

Buku ini dibahagi kepada 10 bab. Bab 1 membincangkan dilema pendidikan Cina dan perkembangan Gerakan Pendidikan Cina dari segi sejarah. Bab 2 hingga Bab 9 merupakan intipati penulisan buku ini. Bab 2 menupukan perbincangan kepada Gerakan Informasi Sekolah Menengah Persendirian Cina dan “Gerakan Universiti Merdeka” (独立大学运动) yang berusaha untuk mengekalkan sistem pendidikan Cina yang lengkap. Bab 3 menyentuh penglibatan Dong Jiao Zong dalam pembentukan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Bab 4 menghuraikan krisis-krisis yang dihadapi oleh Sekolah Rendah Cina (华小, SJK(C)) dan cara-cara Dong Jiao Zong melancarkan gerakan sosial untuk membela status quo SJK(C). Bab 5 pula membincangkan gerakan pendidikan yang dilancarkan agar kerajaan memberi kompromi kepada penerusan SJK(C) ketika mengimplementasikan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Dalam Bab 6, Cheong membicarakan usaha menuntut pembinaan SJK(C) baru khususnya di kawasan luar bandar lantaran proses urbanisasi dan dasar kerajaan yang mengutamakan pembinaan sekolah kebangsaan sahaja di kawasan perumahan baru. Bab 7 pula membuat perbincangan tentang tuntutan-tuntutan Dong Jiao Zong agar Pendidikan Cina khususnya SJK(C) diberi layanan yang saksama untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar dan kewangan untuk membangunkan kemudahan fizikal SJK(C). Bab ini juga membicarakan pembabitan Gerakan Pendidikan Cina dalam isu Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, kelas Bahasa Ibunda di Sekolah Menengah Kebangsaan dan syarat kemasukan sistem kuota di Institusi Pengajian Tinggi Awam. Bab 8 pula membincangkan kerjasama antara Dong Jiao Zong dengan rakan sekutu, termasuk parti-parti politik dan “Huatuhan” (华团, Persatuan-persatuan Cina) untuk meningkatkan keberkesanan perjuangannya. Dalam Bab 9, keberkesanan dan impak perjuangan Gerakan Pendidikan Cina dikupas selain cabaran dan hala tuju Gerakan Pendidikan Cina abad ke-21 diteliti dengan secara menyeluruh. Cheong merumuskan penemuan-penemuan kajian beliau dalam Bab 10 sebagai kesimpulan penulisan.

Cheong menghasilkan penulisan ini berdasarkan pendekatan kualitatif dan multidisiplin. Terdapat tiga kaedah kualitatif yang digunakan, iaitu kaedah perpustakaan, temu bual dan pemerhatian. Bahan-bahan Dong Jiao Zong, Laporan Parlimen, keratan akhbar, buku, majalah, jurnal dan penulisan ilmiah telah dirujuk dalam penulisan

buku ini; manakala kaedah temu bual tidak berstruktur dilakukan untuk memperoleh pandangan khusus tentang perbalahan sesuatu isu pendidikan. Sebanyak 55 orang subjek kajian ditemu bual daripada pelbagai institusi dan lapisan masyarakat Cina, Melayu dan India, telah memberi gambaran yang seimbang tentang pandangan seluruh masyarakat. Kemudian kaedah pemerhatian tanpa turut serta dijalankan untuk mendapat pandangan yang lebih jitu tentang gerakan sosial tersebut. Cheong telah menghadiri aktiviti ceramah, seminar, perjumpaan, malam amal dan lain-lain yang dikendalikan oleh Dong Jiao Zong selain meninjau Kolej New Era, SMPC (华文独中, Sekolah Menengah Persendirian Cina), SMJK (国民型中学, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan), Sekolah Agama, SJK(C), SJK(T) (淡小, Sekolah Rendah Tamil) untuk melihat situasi sebenar dan masalah-masalah yang dihadapi mereka.

Selain itu, ilmu-ilmu dan disiplin sejarah, sains politik, sosiologi dan ekonomi diterapkan dalam perbincangan buku ini, menjadikan kajian ini bersifat menyeluruh dan memberi pembaca satu gambaran yang meluas tentang Gerakan Pendidikan Cina Dong Jiao Zong. Pendekatan yang tersusun dan saling melengkapinya telah memberi pembaca satu perspektif baru yang vertikal dan horizontal tentang Gerakan Pendidikan Cina. Pembaca tidak akan berasa bias atau berat sebelah kerana perbincangan Cheong adalah bersifat ilmiah dan ulasan dibuat berdasarkan pandangan sarjana pelbagai kaum. Penulisan sedemikian amat jarang ditemui dan amat bernilai untuk dibaca dan harus dijadikan buku panduan kepada para sarjana lain, sama ada dalam atau luar negara yang ingin mengkaji isu Gerakan Pendidikan Cina di Malaysia.

Cheong menggunakan Teori Pemeringkatan Mauss untuk menganalisis lima tahap perkembangan Gerakan Pendidikan Cina Dong Jiao Zong dari dekad 1950-an hingga akhir 1960-an, iaitu tahap permulaan, gabungan, penginstitusian, perpecahan dan tamat. Cheong berpendapat bahawa gerakan tersebut bermula apabila kerajaan penjajah mengemukakan Laporan Barnes yang menghalang penerusan sekolah Cina. Penubuhan “Jiao Zong” (教总, Persatuan-persatuan Guru Sekolah Cina Malaysia) dan “Dong Zong” (董总, Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia) pada awal dekad 1950-an merupakan peringkat gabungan tenaga yang mewujudkan gerakan. Peristiwa “Perjumpaan Melaka” (马六甲会谈) dan peristiwa penyertaan dalam aktiviti merangka Laporan Razak 1956 dikelompokkan sebagai peringkat penginstitusian. Pada akhir dekad 1950-an hingga awal 1960-an, Gerakan Pendidikan Cina sukar mencapai hasil lantaran perbezaan pendirian antara aktivis

pendidikan Cina dengan pemimpin MCA. Keadaan ini diumpamakan masuk peringkat perpecahan. Menjelang akhir dekad 1960-an, ketika Akta Bahasa dirangka dan tuntutan penubuhan Universiti Merdeka disemarakkan. Namun gerakan sosial ini terhenti seketika selepas Peristiwa 13 Mei, 1969 sehingga Gerakan Pemulihan SMPC Perak (霹雳独中复兴运动) dicetuskan pada 1973. Cheong menyatakan bahawa Gerakan Pendidikan Cina tidak pernah berhenti, malahan dicetuskan dengan pelbagai tuntutan dan gerakan baru sepanjang zaman.

Sememangnya Gerakan Pendidikan Cina tidak pernah padam sehingga kini, malahan sentiasa mara dan semarak. Walau bagaimanapun, pengulas berpendapat bahawa Teori Pemeringkatan Mauss tersebut boleh diaplikasi dalam Gerakan Pendidikan Cina dari dekad 1970-an hingga 2002, bergantung kepada perkembangan dan strategi yang diamalkan oleh Dong Jiao Zong. Apabila strategi perjuangan ke sisi diamalkan dengan bekerjasama dengan Huatuan dan parti politik, maka keadaan itu boleh dianggap peringkat “gabungan”, dan gerakan itu dikelompokkan sebagai peringkat “penginstitusian” ketika Dong Jiao Zong mengambil pendirian perjuangan ke dalam yang menghalau kepada masyarakat Cina sendiri; sebaliknya mereka memasuki peringkat “perpecahan” apabila Dong Jiao Zong mengambil strategi perjuangan ke luar terhadap kerajaan. Maka perkembangan pemeringkatan itu berterusan dan berulangan dari masa ke masa sehingga kini, malahan isu **National Education Blueprint 2012-2025**, khususnya isu jadual waktu mengajar Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di sekolah rendah telah mendapat protes habis-habisan daripada masyarakat Cina, terutama Dong Jiao Zong, namun kali ini, Dong Zong dan Jiao Zong telah menampakkan bibit-bibit perpecahan atas isu peruntukan masa pengajaran bahasa. Keadaan ini memperlihatkan lagi Dong Jiao Zong memasuki peringkat “perpecahan” dalam gerakan pendidikan Cina mengikut Teori Pemeringkatan Mauss, dan isu ini memerlukan kajian ilmiah selanjutnya.

Editor In-charge: Dr. Teoh Hooi See